

'Hak bukan Melayu kekal'

Dasar ekuiti Bumiputera imbangi ekonomi: T P M

Oleh Ismail Mat

KOTA BHARU: Timbalan Perdana Menteri mengulangi jaminan usaha kerajaan untuk memenuhi matlamat pencapaian 30 peratus ekuiti Bumiputera negara ini tidak akan menjejaskan kedudukan bukan Bumiputera.

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan juga tidak mahu perkara membabitkan pencapaian 30 peratus ekuiti oleh Bumiputera itu dijadikan polemik besar-besaran oleh mana-mana pihak.

"Kalau guna asas yang lain, barangkali memberi gambaran syarikat yang lebih mendapat keuntungan tinggi tentu nilai saham mereka lebih banyak daripada syarikat yang berprestasi rendah.

"Kita perlu beri tumpuan kepada usaha mencapai imbangan tetapi tidak sampai menjejaskan kedudukan

bukan Bumiputera," katanya pada sidang media di Universiti Sains Malaysia (USM) petang semalam.

Baru-baru ini, laporan kajian Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) berjudul *Pengagihan Ekuiti Korporat -Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan* mendakwa Bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi sehingga 45 peratus.

"Ekuiti Bumiputera masih kecil kerana perangkaan kita gunakan berdasarkan kepada nilai purata"

Bagaimanapun, laporan itu dipertikaikan beberapa tokoh ekonomi dan ahli akademik yang menyifatkan kaedah penyelidikan dan sumber data yang diguna Asli tidak tepat.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan laporan kajian Asli itu tidak bertanggungjawab kerana maklumat dan asas yang digunakan tidak betul serta boleh menimbulkan reaksi tidak baik di kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Sementara itu, mengulas mengenai jerebu, Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha menangani masalah itu banyak bergantung kepada kepayaan Indonesia menangani puncanya di negara berkenaan.

Pada masa sama katanya, keadaan jerebu yang melanda juga bergantung kepada arah haluan tiupan angin dari punca itu ke kawasan ter-

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

jas.